

19 MAY 2003

ABDULLAH-KEMBOJA/I

PERDAGANGAN DUA HALA M'SIA-KEMBOJA BOLEH DI PERTINGKATKAN

KUALA LUMPUR, 19 Mei (Bernama) -- Malaysia dan Kemboja perlu meneroka mekanisme menjalankan perniagaan yang lebih kondusif bagi meningkatkan lagi kuantiti perdagangan antara kedua negara, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, hari ini.

Bercakap di majlis makan malam sempena lawatan Timbalan Perdana Menteri Kemboja Sar Kheng di Putrajaya, beliau berkata langkah itu juga secara tidak langsung dapat membantu menangani sebarang masalah di kalangan ahli perniagaan Malaysia yang melabur dan berdagang di negara tersebut.

Timbalan Perdana Menteri Kemboja itu sedang dalam rangka lawatan selama tiga hari ke Malaysia.

Abdullah berkata meskipun perdagangan dua hala antara kedua negara berjumlah hanya RM283.7 juta pada 2002, Kemboja kekal sebagai rakan kongsi dagangan penting kepada Malaysia.

Menurutnya, perdagangan itu dijangka meningkat dengan ketara bagi tempoh beberapa tahun akan datang manakala Malaysia pula kekal sebagai antara pelabur terbesar di Kemboja dengan lebih 40 syarikat Malaysia kini beroperasi di negara tersebut dalam pembangunan hartanah, perhutanan dan perbankan.

Sehubungan itu, "mustahak bagi kedua-dua kerajaan menyediakan persekitaran yang perlu untuk membolehkan sektor swasta terus memanfaatkan potensi perniagaan di kedua-dua negara," katanya.

Beliau berkata hubungan mesra antara kedua-dua negara dirapatkan lagi dengan lawatan oleh Yang di-Pertuan Agong ke Phnom Penh pada Disember tahun lalu dan kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Sidang Kemuncak ke-8 ASEAN di Phnom Penh pada November 2002.

Abdullah berkata Malaysia telah mengembangkan bantuan teknikalnya di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) ke Kemboja di mana sehingga kini seramai 296 pegawai dari Kemboja telah menghadiri kursus jangka panjang dan pendek dalam pelbagai bidang kajian.

Timbalan Perdana Menteri juga memuji wawasan jangka panjang kerajaan Diraja Kemboja untuk membangunkan Kemboja sebagai sebuah negara yang bebas daripada belenggu kemiskinan, penyakit dan buta huruf.

Dengan keamanan dan keselamatan global yang semakin tercabar ekoran ancaman keganasan dan kecenderungan untuk bertindak di luar daripada rangka kerja multilateralisma, beliau berkata masyarakat antarabangsa perlu meningkatkan kerjasama dan bertindak sepakat bagi menangani masalah-masalah ini kerana ia boleh membantutkan kemajuan ekonomi.

Bagi Malaysia pula, beliau berkata kerajaan telah menubuhkan Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Menangani Keganasan dengan sasaran untuk menganjurkan kursus latihan, seminar, bengkel kerja dan kegiatan berkaitan usaha memerangi keganasan serta melatih dan meningkatkan keupayaan peserta dari dalam dan luar negara dalam pelbagai bidang berkaitan usaha tersebut.

Beliau berkata Malaysia telah mempelawa negara-negara ASEAN dan pegawai-pegawai Kemboja khususnya untuk menyertai kursus yang ditawarkan oleh Pusat tersebut serta kursus yang dianjurkan oleh MTCP untuk berkongsi pengalaman dalam memerangi kegiatan jenayah terancang antara negara. --

BERNAMA

MR FR ZK